



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (13)

Tarikh: 23 Disember 2024 / 21 Jamadilakhir 1446H

TIADA TAWARAN JAWATAN KOSONG DI KEMAS MASA INI

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ingin menegaskan bahawa tiada sebarang tawaran jawatan kosong dikeluarkan oleh pihak kami buat masa ini. Penjelasan ini susulan penyebaran sebuah poster di saluran media sosial TikTok oleh pemilik akaun yang dikenali sebagai ahmad.ikhzan2 bertajuk "*Jawatan Kosong KEMAS. Pelbagai Jawatan Kosong Dibuka. Minima SPM Layak Mohon*", yang telah menimbulkan persoalan dan kekusaran dalam kalangan orang ramai.

KEMAS sentiasa komited dalam memastikan penyampaian maklumat yang telus dan tepat kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, KEMAS merayu orang ramai untuk berwaspada serta tidak mudah terpengaruh dengan maklumat yang tidak disahkan yang tersebar di media sosial.

Untuk mendapatkan maklumat rasmi dan terkini mengenai jawatan kosong atau perkara lain berkaitan KEMAS, orang ramai disarankan merujuk saluran rasmi jabatan atau media sosial rasmi KEMAS seperti Facebook ***KEMASOfficial*** dan TikTok ***kemajuan_masyarakat***.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan terus kepada Ibu Pejabat KEMAS Putrajaya di talian 03-88912682

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
23 Disember 2024